



KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di dalam bidang / gred seperti di bawah yang pendaftarannya masih berkuatkuasa bagi menjalankan Perkhidmatan / Kerja seperti berikut:

BUTIR-BUTIR TAWARAN		TARIKH / MASA / TEMPAT
<p align="center">NO SEBUTHARGA : PB/PER/PPB/3/1/21</p> <p>PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANSKAP DAN TANAMAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAM SELAMA TIGA (3) TAHUN</p>		<p>Tempat Pamer / Jual / Tutup : Pejabat Bendahari Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam 13200 Kepala Batas Pulau Pinang</p> <p>Tarikh / Masa & Tempat Taklimat / Lawatan Tapak : - Tidak Diwajibkan -</p> <p>Tarikh Tutup Tawaran : 31/03/2021 Jam 12.00 tengahari</p>
Kelayakan	: Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)	
Kod Bidang	: 221002 dan 221402 atau 222104	
Harga Dokumen	: RM50.00	

- Dokumen Meja Sebut Harga mula dipamer pada **12/03/2021** di **PEJABAT BENDAHARI UITM CAWANGAN PULAU PINANG, KAMPUS BERTAM** pada waktu pejabat 8.15 pagi – 4.45 petang.
- Taklimat/Lawatan Tapak bagi Sebutharga di atas adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Sekiranya terdapat keperluan untuk taklimat/lawatan tapak bagi mendapatkan maklumat lanjut, pihak syarikat boleh hadir bagi tujuan tersebut pada 17/03/2021, Rabu (Masa: 10.30 pagi sehingga 4.30 petang)
- Dokumen Tawaran boleh dibeli bermula dari Tarikh Iklan di **Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam** pada waktu pejabat dengan menggunakan kaedah pembayaran pindahan atas talian (*online banking*) di atas nama **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA** (No. Akaun: 07043011032914). Pihak syarikat **DIWAJIBKAN** untuk mendapatkan pengesahan kelayakan daripada wakil Bahagian Pengurusan Fasiliti (En. Mohamad Hafizi Ishak) terlebih dahulu sebelum membuat pembayaran pembelian dokumen.
- Petender-petender dikehendaki membawa **SALINAN Sijil Pendaftaran KKM dalam bidang seperti diatas dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada) semasa membeli Dokumen Tawaran tersebut.**
- Hanya Penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor sahaja (PPK), Sijil perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh membeli Dokumen Sebut Harga tersebut. Petender tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada Penama di dalam sijil-sijil yang dinyatakan.
- Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam** dengan menulis nombor dan tajuk Sebut Harga di sebelah kiri atas di sampul tawaran berkenaan.
- Tawaran Sebutharga akan ditutup pada masa yang ditetapkan. Tawaran Sebutharga yang lewat diterima dari waktu tutup **tidak akan dipertimbangkan.**